

Kempen raya tanpa mercun

Kuala Lumpur: Satu kempen khas menggunakan hashtag #rayatanpamercun harus diwujudkan bagi memberi kesedaran bahaya penggunaan mercun terutama setiap kali menjelang musim perayaan.

Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datin Dr Norizan Abdul Razak berkata dengan adanya kempen itu, bilangan insiden ketika bermain mercun dapat dikurangkan.

“Media tempatan iaitu

media sosial, media cetak dan elektronik perlu memainkan peranan membuat hebahan kepada umum seperti memberi pendedahan mengenai bahayanya mercun yang boleh mengancam nyawa dan keselamatan pengguna selain menemu-bual sesiapa yang pernah menjadi mangsa untuk dijadikan kisah teladan.

“Selain berkempen, kanak-kanak dan remaja perlu dididik mengenai bahaya mercun dan bunga api dari peringkat awal,” katanya.

Beliau berkata, bermain

mercun bukan budaya umat Islam kerana banyak kaedah lain boleh dilakukan bagi mengawal anak daripada membeli dan bermain mercun seperti bertakbir dari rumah ke rumah selain mengajak anak melakukan amal ibadat.

Sementara itu, Penganalisis Jenayah Datuk Akhbar Satar berpendapat penguatkuasaan di pintu masuk sempadan negara perlu diperketat dalam memben-dung kegiatan penjualan mercun secara terbuka di pasaran. –BERNAMA